

Konsep Kejatuhan Peradaban Islam Menurut Islamis, Modernis dan Orientalis Pada Abad ke-18 hingga ke-20

The Concept of The Fall of The Islamic Civilization According to Islamists, Modernists and Orientalists in The 18th to 20th Centuries

Muhamad Amirul Asyraf Ahmad Kamal Zulkhairi¹, Norsaleha Mohd. Salleh¹Ⓛ, Syarul Azman Shaharuddin², Rosli Mokhtar³

¹Institut Kajian Hadis dan Aqidah (INHAD), Universiti Islam Selangor

²Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

³Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Islam Selangor

ⓁCorresponding author: norsaleha@kuis.edu.my

ABSTRAK

Idea Inhitat atau kejatuhan peradaban Islam merupakan satu idea penting yang melatari sejarah moden dunia Arab. Di era Nahdah atau kebangkitan, pemikir Islam dan modenis dilihat mempunyai idea yang hampir sama dengan orientalis berkenaan konsep kejatuhan peradaban Islam. Secara umumnya, kejatuhan peradaban Islam terutamanya kelemahan kerajaan Uthmaniyyah dan Arab adalah disebabkan oleh umat Islam yang mundur dalam pemikiran saintifik, bersifat dogmatik serta ketinggalan di belakang kemajuan sains dan teknologi 'peradaban' Eropah. Namun, apakah perbezaan antara konsep kejatuhan peradaban Islam menurut pemikir Islam, modenis dan orientalis? Apakah punca permasalahan dan solusi kepada kejatuhan peradaban Islam menurut pemikir Islam, modenis dan orientalis? Kajian ini melakukan analisa terhadap penulisan-penulisan pemikir Islam, modenis dan orientalis pada abad ke-18 hingga ke-20 bagi meneliti idea mereka berkenaan konsep kejatuhan peradaban Islam. Kajian mendapati bahawa idea kejatuhan peradaban Islam oleh pemikir Islam, modenis dan orientalis menunjukkan perbezaan kefahaman mengenai punca kejatuhan seterusnya menatijahkan mereka mengabsahkan tindakan terkemudian masing-masing. Bagi modenis dan orientalis, umat Islam perlu menerima idea westernisasi bagi membolehkan berlakunya kemajuan di dalam dunia Islam. Pemikir Islam pula menolak westernisasi dan sekularisasi sebaliknya menggesa usaha islah atau perubahan pembaharuan dalam pemikiran dan tindakan umat Islam sendiri. Penemuan kajian ini bermanfaat bagi membezakan pemahaman serta pendekatan yang diambil dalam melihat konsep kejatuhan peradaban Islam menurut pemikir Islam, modenis dan orientalis. Hal ini penting untuk memahami kuasa intelektual, sosial dan sejarah yang telah membentuk tindak balas dan tindakan kumpulan-kumpulan pemikir ini serta implikasinya kepada dunia Islam.

KATA KUNCI

Kejatuhan, Islamis, Orientalisme, Peradaban, Kemodenan

ABSTRACT

The idea of Inhitat or the decline of the Islamic civilization is an important idea that permeates the modern history of the Arab World. In the Nahdah or revival era, both Islamic and modernist scholars seem to have the same ideas as orientalist regarding the concept of the fall of Islamic civilization. In general, the fall of Islamic civilization, especially the weakness of the Ottoman and Arab kingdoms, is caused by the muslims who are backward in scientific thinking, being dogmatic and lagging behind the progress of science and technology in the European 'civilization'. However, what is the difference between the concept of the fall of Islamic civilization according to Islamic thinkers, modernists and orientalists? What are the causes of problems and solutions to the fall of Islamic civilization according to Islamic thinkers, modernists and orientalists? This study analyzes the writings of Islamic thinkers, modernists and orientalists in the 18th to 20th centuries to examine their ideas regarding the concept of the decline of Islamic civilization. The study found that the idea of the fall of Islamic civilization by Islamic thinkers, modernists and orientalists showed a difference in understanding the cause of the fall and further led them to justify their respective subsequent actions. For modernists and orientalists, Islam needs to be reformed and muslims should accept the idea of westernization to allow progress in the Islamic world. However, Islamic thinkers reject the idea of westernization and secularization and call for efforts to islah or reform the thinking and actions of muslims themselves. The findings of this study are useful to differentiate the understanding and approach taken in looking at the concept of the decline of Islamic civilization according to Islamic thinkers, modernists, and orientalists. This is important to understand the intellectual, social and historical forces that have shaped the response and actions of these groups as well as their implications for the Islamic world.

KEYWORDS

Decline, Islamist, Orientalism, Civilization, Modernity

1.0 Pendahuluan

Kajian berkenaan idea Inhitat (kejatuhan) peradaban Islam merupakan satu perbahasan yang muncul ketika era Nahdah (kebangkitan) di Timur Tengah dan era penjajahan Barat ke atas dunia Islam. Dalam era ini, Kerajaan Uthmaniyyah dilihat oleh Eropah sebagai *the sick man of Europe* yang menggambarkan bahawa Kerajaan Uthmaniyyah berada di ambang kekalahan dan kejatuhan. Pada masa yang sama, idea *Civilizing Process* dan *Progress* muncul di mana Eropah menjadi kayu ukur kepada kemajuan dan sudut pandang dalam melihat sejarah (Bowden, 2009). Hasil dari naratif ini, kemajuan di Eropah dilihat lawannya sebagai kejatuhan atau kemunduran di dunia lain termasuk peradaban Islam. Setelah melihat dunia Islam tidak dapat mengalahkan dunia Barat, beberapa idea melatari zaman tersebut dalam usaha untuk mengembalikan kuasa dunia Islam. Antara tema perbahasan dan pergelutan yang berlaku di era *Nahdah* ini adalah persoalan mengenai westernisasi, modenisasi dan islah (Abu Rabi, 1995).

Kajian ini adalah satu penelitian kritikal terhadap konsep kejatuhan dalam peradaban Islam di dalam konteks dunia Arab moden bagi memahami bagaimana konsep ini difahami dan ditafsir oleh pelbagai kumpulan pemikir terutamanya golongan pemikir Islam, modenis dan orientalis. Seterusnya, melalui penelitian terhadap perspektif-perspektif pelbagai golongan pemikir ini, kajian ini menunjukkan perbezaan pandangan dan motivasi yang mendasari kepercayaan mereka mengenai kejatuhan tamadun Islam pada abad ke-18 sehingga ke-20. Memahami perspektif yang berbeza ini adalah penting untuk memahami kuasa intelektual, sosial dan sejarah yang telah membentuk tindak balas dan tindakan kumpulan-kumpulan pemikir ini serta implikasinya kepada dunia Islam.

Dua persoalan utama kajian ini adalah; apakah faktor utama kejatuhan peradaban Islam pada abad ke-18 sehingga ke-20 menurut para pemikir Islam, modenis, dan orientalis? Selanjutnya, bagaimanakah persepsi yang berbeza mengenai faktor kejatuhan mempengaruhi cadangan penyelesaian dan tindakan yang dikemukakan oleh pemikir Islam, modenis dan orientalis untuk menangani kejatuhan peradaban Islam?

Kajian ini merupakan kajian kualitatif keperustakaan yang menggunakan bahan bertulis sebagai sumber utama dalam penyelidikan. Kajian ini menggunakan metode analisis induktif untuk mengkaji pandangan para pemikir Islam, orientalis dan modenis mengenai konsep kejatuhan peradaban Islam. Kemudian, metode komparatif digunakan untuk melakukan perbandingan antara tiga kumpulan pemikir ini dengan melihat hubungan antara pandangan mereka mengenai faktor kejatuhan peradaban Islam dengan idea serta solusi yang diketengahkan oleh mereka untuk menangani permasalahan dalam peradaban Islam (Griffiths, 2017).

Kajian mendapati bahawa idea kejatuhan peradaban Islam oleh pemikir Islam, modenis dan orientalis menunjukkan perbezaan dalam kefahaman mengenai konsep kejatuhan dan menatijahkan mereka mengabsahkan tindakan terkemudian masing-masing. Bagi golongan pemikir modenis dan orientalis, idea kejatuhan peradaban Islam adalah bagi membina epistemologi yang mengabsahkan idea Islam perlu kepada pembaharuan dan menerima idea westernisasi bagi membolehkan berlakunya kemajuan di dalam dunia Islam. Manakala para pemikir Islam pula menolak westernisasi dan sekularisasi yang berlaku di dunia Islam dan menggesa usaha islah atau perubahan dari dalam pemikiran dan tindakan umat Islam sendiri.

2.0 Konsep Peradaban

Konsep civilization (peradaban) merupakan satu konsep baharu yang dikembangkan kembali oleh Norbert Elias dalam bukunya *Civilizing Process*. Perkataan *civilization* mula dikenali dan diketahui penggunaannya pada abad ke-18 oleh Mirabeau di Perancis (Elias, 1969). Perkataan ini muncul dalam Bahasa Inggeris di dalam buku Adam Ferguson, *Essay on History of Civil Society* pada tahun 1767. Adam Ferguson melihat makna *civilization* berhubung dengan satu proses ketamadunan dari kekasaran kepada keadaan yang telah diperhalus (Bowden, 2009).

Anthony Pagden (2016) menyatakan bahawa perkataan *civilization* berasal dari perkataan *civitas* yang bererti masyarakat yang merujuk kepada suatu negara. Kemudian, perkataan *civil* mula digunakan dalam menggambarkan manners atau adab pada pertengahan abad ke-18. Lutfi Sunar (2016) pula menyatakan bahawa perkataan *civilization* berasal dari perkataan Latin iaitu *civis*. Menurut Sunar, perkataan lain yang berhubung dengan perkataan akar *civis* ini adalah *civilitas*, *civicus*, *civitas* dan *civilis* (Bowden, 2009)

Idea progress atau kemajuan dalam idea peradaban ini diserap oleh dua tokoh besar *Enlightenment* iaitu Condorcet dan Turgot (Sunar, 2016). Mereka merangka konsep sejarah progresif dan membina idea bahawa perubahan struktur sosial merupakan satu pergerakan ke arah kemajuan dari zaman silam ke zaman moden. Mereka membina gambaran bahawa struktur sosial yang berbeza muncul dalam setiap zaman. Idea peradaban dan kemajuan yang dibina di atas asas linear, progresif dan model monopoli ini merupakan satu gambaran sejarah yang fiksiyen oleh satu pihak yang ditampilkan dari kaca mata golongan yang menang (Davutoğlu, 1997).

Arthur Herman melihat konsep kejatuhan peradaban sebagai *'two sides of the same coin'* bersama dengan konsep kemajuan dalam bukunya *Idea of Decline in Western History* (2010). Menurut Herman (2010), di mana ada idea konsep kemajuan di situ ada kejatuhan atau kemerosotan. Pandangan ini lahir dari idea silam berkenaan jatuh bangun sesebuah empayar. Idea kitaran sejarah jatuh dan bangun

ini kembali dibangkitkan semasa Renaissance dan diserap di dalam penulisan historiografi Enlightenment (Osterhammel, 2018).

3.0 Latar Belakang Sejarah Konsep Kejatuhan Peradaban Islam

Konsep kejatuhan peradaban Islam berlatarbelakangkan idea *civilisé* yang diperkenalkan dalam Bahasa Perancis yang bermaksud peradaban atau *civilization* yang muncul di dunia Eropah pada abad ke-17. Pada abad ke-17 dan 18, konsep *civilization* ini membawa gambaran dan makna yang serupa dengan *progress* atau kemajuan. Eropah melihat bahawa mereka sedang berada di satu tahap kemajuan dan *civilization* yang tinggi serta berbeza dengan dunia lain yang masih di tahap *barbaric* atau *savage* (Karaharli, 2021). Konsep *civilization* ini menjadi dasar misi penjajahan Perancis ke atas Mesir pada tahun 1798 dengan membawa idea bahawa mereka sedang membawa misi *civilisatrice* iaitu misi ketamadunan mereka untuk memajukan dunia Arab dan 'membebaskan' Arab dari belenggu kemunduran Mamluk di Mesir ketika itu (Kirecci, 2007).

Konsep kejatuhan peradaban merupakan satu perbincangan yang mula muncul secara aktif pada awal abad ke-19 dan juga abad ke-20 yang dinamakan sebagai era Nahdah di dunia Arab (Al-Omari, 2021). Konsep kejatuhan peradaban atau *inhiat* merupakan satu idea yang melihat kepada berlakunya keruntuhan sama ada dari segi moral, kebudayaan, kuasa dan material. Nahdah muncul sebagai satu gerakan politik dan budaya yang berusaha untuk menghidupkan kembali budaya dan peradaban Arab yang dilihat telah mengalami zaman kemunduran yang lama (Sheehi, 2012). Golongan intelegensia Nahdah melihat bahawa kemunduran dan kejatuhan dunia Islam sebagai sebab kepada perlunya idea 'renaissance' atau Nahdah (Abu Rabi, 1995). Mereka tidak menolak kebangkitan berdasarkan idea Barat. Epistemologi nahdah ini dilihat mempunyai komponen Islamik dan juga Barat maka tidak boleh dilihat sebagai fenomena Barat semata-mata (Abu Rabi, 1995).

Konsep kejatuhan peradaban Islam ini diperkenalkan dalam pensejarahan Timur Tengah oleh sarjana Eropah namun idea ini dihayati dan diterjemahkan ke dalam tindakan oleh golongan intelektual dari Timur Tengah. Dalam kajian Mehmed Akif Kirecci (2007), *Decline Discourse & Self-Orientalisation in the Writings of al-Tahtāwī, Taha Hussayn and Ziya Gökalp: A Comparative Study of Modernisation in Egypt and Turkey*, beliau menyelidik mengenai peradaban Islam menggunakan konsep dan periodisasi sejarah yang meletakkan ekspedisi Napoleon sebagai titik mula zaman moden Timur Tengah. Beliau mendapati bahawa penulisan-penulisan yang berpegang dengan idea ini melihat segala perkara sebelum kedatangan Napoleon itu sebagai zaman kemunduran dan kejatuhan. Menurut Kirecci, para pemikir dan intelektual tempatan mengalami satu proses '*self-orientalisation*' di mana mereka menghayati dan mengambil idea kejatuhan *Oriental* ke dalam pemikiran mereka bukan kerana terjatuh ke dalam stereotaip Orientalis tetapi sebagai cara mereka menjustifikasikan rasional mereka mengundurkannya kembali kejatuhan itu dalam bentuk reformasi mereka.

Abad ke-19 menyaksikan satu abad perubahan global yang mana menurut Jurgen Osterhammel (2014) merupakan zaman keruntuhan rejim kuno di seluruh dunia dengan berlakunya beberapa siri revolusi. Menurut Osterhammel (2014), sejarawan Perancis dan Jerman melihat abad ini sebagai zaman fenomena nasionalisme dan negara bangsa. Revolusi ini berlaku dalam usaha evolusi bangsa yang ingin mencapai autonominya sendiri dalam membentuk sebuah negara bangsa. Pada abad ini, peradaban Eropah menjadi model kepada kebanyakan negara lain (Osterhammel, 2014). Kesan dari perubahan di zaman ini, persepsi sendiri Uthmaniyyah dan Timur melihat kepada keperluan untuk mereformasi negara mereka mengikut Barat bagi mengejar kemajuan peradaban Barat (Dawn, 1991).

Abad ke-18 dan ke-19 dianggap sebagai satu zaman modenisasi dan reformasi. Modenisasi menurut Şāfi (1994) di dalam bukunya *The Challenge of Modernity: The Quest for Authenticity in Arab World* bermaksud perubahan suatu masyarakat dan politiknya dari sebuah negara yang tradisional kepada

sebuah negara moden yang mana proses akhirnya disebut sebagai *modernity*. Proses pemodenan ini dilihat sebagai satu pengalaman sejarah Eropah dan segala proses pemodenan dilihat dalam rangka dan model Eropah sehingga menjadi satu model universal (Şāfi, 1994). Segala yang dianggap kemajuan dilihat di dalam rangka model modenisasi Eropah ini manakala peradaban yang diklasifikasi sebagai dalam kejatuhan dan kemunduran juga diukur berdasarkan model modenisasi Eropah ini.

Peradaban Islam dilihat mengalami zaman krisis di abad ke-18 sehingga ke-19 apabila kerajaan Uthmaniyyah mengalamai kekalahan dalam perang-perang besar serta berdepan dengan perubahan universal yang dibawa oleh revolusi perindustrian dan modenisasi. Kerajaan Uthmaniyyah kalah dalam beberapa perang besar seperti dalam percubaan menawan Vienna pada 1683, perang Uthmaniyyah-Holy League yang berakhir dengan pemeteraian Perjanjian Karlowitz 1699 dan perang Uthmaniyyah-Russia 1768-74 yang mana termeterainya Perjanjian Kucuk Kaynarca 1774. Beberapa peristiwa kekalahan ketenteraan ini membayangi paradigma kejatuhan dunia Uthmaniyyah selepas zaman Sultan Suleyman Qānūnī (Şentürk, 2020). Pada era ini, Uthmaniyyah digelar *sebagai "Sick Man of Europe"* iaitu satu gambaran oriental bahawa Uthmaniyyah sedang dibayangi zaman kemunduran dan lemah berbanding Eropah (Çalışır, 2011). Namun, paradigma ini hanya melihat aspek kecil Uthmaniyyah iaitu kekuatan ketenteraan semata-mata dan tidak mencerminkan keseluruhan dunia Uthmaniyyah pada ketika itu.

Menurut pandangan Bernard Lewis (2002), Uthmaniyyah mula menerima idea dan pengaruh dari luar selepas Perjanjian Karlowitz pada 1699 dan Perjanjian Passarowitz pada 1718. Uthmaniyyah kemudiannya menerima pegawai-pegawai dari Perancis untuk melatih dan membantu mereformasi sistem ketenteraan Uthmaniyyah. Pada abad ke-18 ini juga bermulanya budaya Turquerie dibawa masuk ke Perancis melalui kedutaan Uthmaniyyah dan budaya Perancis juga dibawa masuk ke Uthmaniyyah. Menurut Lewis, abad ke-19 menyaksikan kemasukan idea dari Revolusi Perancis ke dunia Uthmaniyyah seperti *liberty* dan *equality* yang diterjemahkan sebagai *serbestiyyet* dan *mūsawāt* dalam bahasa Uthmaniyyah. Kemasukan idea ini menurut beliau adalah hasil dari kekuatan 'material' Barat dan era kolonialisma Barat.

Uthmaniyyah mula memasuki fasa reformasinya yang tersendiri bermula dengan Sultan Selim III pada tahun 1789 yang digelar sebagai *Nizam-i Cedid* (Orde Baharu) namun mengalami beberapa siri penentangan dan kegagalan kerana askar *Yeni Ceri* (Janissari). Siri reformasi ini diteruskan di bawah Sultan Mahmud II pada tahun 1826 sehingga 1839 dengan reformasi terbesar beliau iaitu penghapusan askar Janissari dalam peristiwa yang dikenali *Vak'a-i Hayriye* (*Auspicious Event*) dan diganti dengan sistem askar moden, *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* (Askar Muhammad yang dimenangkan) yang dilatih oleh tentera British dan Perancis.

Pada ketika itu, golongan intelektual Nahdah mengatakan bahawa Timur Tengah mengalami zaman kemunduran akibat penguasaan Uthmaniyyah selama lebih tiga ratus tahun sehingga kedatangan Napoleon Bonaparte ke Mesir pada tahun 1798 (Rifaat, 1947). Penjajahan Napoleon telah menghancurkan gambaran keagungan kebudayaan dan sosial Uthmaniyyah di Mesir. Negara seperti Mesir dikatakan telah mengalami satu fasa keruntuhan intelektual dan pemikiran semenjak dari penguasaan Uthmaniyyah pada 1517 seperti yang ditulis oleh Gibbs (1926, ms 155):

"After the Ottoman conquest in that year a period sets in of universal stagnation and decay. As always, the political conditions were mirrored in literature; the output was enormous throughout, but the qualities of originality, virility, and imagination, weak from the first, die away completely by the sixteenth century".

4.0 Kejatuhan Peradaban dalam Perspektif Sejarah Islam

Sebelum wujudnya wacana kejatuhan dan kemunduran yang dibawa oleh Eropah, konsep kejatuhan peradaban ini boleh didapati di dalam sejarah Islam. Antaranya adalah wacana zaman 'Asr as-Sa'adah atau Zaman Keemasan (*Golden Age*). Zaman 'Asr as-Sa'adah ini merujuk kepada zaman kegemilangan yang berbeza-beza bagi sesetengah pihak dalam membina legitimasi untuk menyandarkan usaha islah mereka.

Zaman yang sering dirujuk sebagai 'Asr as-Sa'adah adalah zaman Nabi Muhammad S.A.W dan kemudian di awal perkembangan Islam iaitu dari tahun 632 hingga 945 (Watt, 1973). Zaman selepas itu yang dirujuk sebagai 'Asr-Saadah ialah zaman Khulafa' Ar-Rashidun iaitu semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakr, Umar, Uthman dan Ali. Kemudian zaman Abbasiyyah yang turut dikenali sebagai zaman pencapaian saintifik dan zaman perkembangan keilmuan Islam dalam pelbagai aspek seperti fiqh, hadis, tafsir, sejarah, sains tabi'e dan sebagainya. Zaman Khulafa' Ar-Rashidun digelar sebagai zaman keemasan dari segi ketaqwaan dan kemuliaan peribadi manakala zaman Abbasiyyah pula dilihat sebagai zaman keemasan kejayaan dari sudut pencapaian material (Watt, 1973).

Selain dari wacana Zaman Keemasan, Mehmet Akif Kirecci (2007) mendapati penulisan-penulisan dalam kategori *Nasihah al-Muluk* seperti Nizam al-Mulk (1092), Ibn Muqaffa' (756), Abu Yusuf (798), al-Mawardi (1058), dan al-Ghazali (1111) merupakan sebahagian dari penulisan yang bukan sahaja berbentuk teori tetapi juga kritikan kepada pemerintah semasa. Penulisan *Nasihah al-Muluk* diterjemah sebagai Nasihat kepada Pemerintah atau *Mirror for Prince*. Menurut Kirecci lagi, penulisan-penulisan ini juga dapat dilihat sebagai satu cerminan kepada keadaan kejatuhan pemerintahan.

Seterusnya, penulisan-penulisan berkenaan *Nasihah al-Mulk* ini diterjemah ke dalam penulisan-penulisan seperti *Nasihahname* atau *Siyasatname* di zaman Uthmaniyyah (Lewis, 1962). Penulisan-penulisan ini dilihat sebagai satu idea teoretikal dalam membina pemerintahan yang ideal serta usaha mencari solusi kepada keadaan semasa yang menurut mereka dilihat mengalami kejatuhan dari *qanun qadim* (kemuncak keadilan dan kestabilan) (Kirecci, 2007). Antara rujukan utama yang melihat aspek kejatuhan ini adalah Koci Bey (1650) yang menjadi penasihat kepada Sultan Murad IV (1623-1640) dan Sultan Ibrahim (1640-1648).

Pandangan para pemikir Uthmaniyyah berkenaan idea kejatuhan peradaban berbeza berbanding sudut pandang orientalis (Sariyyanis, 2018). Para pemikir Uthmaniyyah banyak mengambil inspirasi tentang kejatuhan peradaban dari idea Ibn Khaldūn. Contohnya, salah seorang tokoh pemikir terkemuka Uthmaniyyah yang terkenal dengan keilmuan ensiklopedik iaitu Katib Celebi telah mengarang kitab *Kashf al-zunun*, *Cihannuma* dan *Düstûrül-amel li Islahi'l-halel* yang mengambil dan mengembangkan idea Ibn Khaldūn dalam *Muqaddimah 'Ibar*. Menurut Katib Celebi, kejatuhan Uthmaniyyah mula berlaku apabila pemimpin mula bermewah dengan harta, golongan pertengahan mahu hidup seperti raja manakala golongan askar mahukan kesenangan dan aman dari peperangan. Tokoh pemikir Uthmaniyyah lain yang mengikut jejak langkah Ibn Khaldūn dalam mengkaji dan melihat konsep jatuh bangun dinasti dan peradaban ialah Mustafa Na'imâ (1665-1716). Beliau menerangkan bahawa kajian sejarah akan menunjukkan undang-undang sejarah dalam ungkapan beliau (Thomas, 1972, ms 211):

"what are the causes and the bases of action that foretell and bring about decay and decline to the civilization of mankind and which show that a state, a society of men (devlet-i ictima'iye), is on the way to expiration and death"

Mustafa Na'imâ mengambil dan mengolah idea Ibn Khaldūn dan Katib Celebi dalam melihat jatuh bangun sesebuah kerajaan atau peradaban dalam lima peringkat kitaran (Sariyyanis, 2018). Menurut beliau, kejatuhan bermula di peringkat keempat dan berakhir di peringkat kelima. Di peringkat keempat,

manusia hanya berpuas hati dengan tinggalan nenek moyang mereka dan tidak melakukan apa-apa melainkan hanya meniru nenek moyang mereka (Sariyyanis, 2018). Di peringkat kelima pula, berlakunya pemborosan, perbelanjaan keterlaluan, dan akhirnya kehancuran. Di fasa ini, manusia terutamanya golongan pemerintah menjadi tamak dan mengejar harta-harta mewah seperti rumah mewah dan pakaian mewah. Akibatnya, hasil cukai negara tidak dapat menanggung kos perbelanjaan mewah ini dan terpaksa meminjam sehingga tidak mampu lagi menanggung hutang dan akhirnya meruntuhkan kerajaan (Sariyannis, 2018).

Asal usul konsep kejatuhan peradaban dari idea Ibn Khaldun perlu difahami untuk mendalami pemikiran golongan pemikir Uthmaniyyah berkenaan kejatuhan peradaban. Ibn Khaldūn atau nama sebenarnya Abū Zayd ‘Abd ar-Raḥmān ibn Muḥammad ibn Khaldūn al-Ḥaḍramī (1332-1406) adalah seorang tokoh besar yang menjadi rujukan seluruh dunia. Ibn Khaldūn dikenali dengan karyanya *Al-Muqaddimah* iaitu pengantar atau pendahuluan kepada karyanya *Kitāb al-‘Ibar wa-Dīwān al-Mubtada’ wa-l-Khabar fī Ta’rīkh al-‘Arab wa-l-Barbar wa-Man ‘Āsarahum min Dhawī ash-Sha’n al-Akbār*. Ibn Khaldūn merupakan antara pemikir Islam terawal yang mempelopori idea falsafah sejarah khususnya jatuh bangun peradaban. Beliau melihat bahawa sejarah merupakan satu proses kitaran di mana setiap peradaban dan dinasti itu mengalami jatuh bangunnya yang tersendiri. Teori Ibn Khaldūn ini merupakan sebahagian dari idea besar beliau iaitu *umran* atau ilmu teori kemakmuran (Yahaya & Darussalam, 2011).

Dalam teori kitaran Ibn Khaldūn, beliau mendapati jatuh bangun peradaban adalah satu perkara semula jadi yang akan berlaku sepertimana kehidupan manusia yang bermula dari bayi kemudian menjadi dewasa dan tua sehingga mati. Selain itu, beliau berpandangan bahawa keruntuhan *asabiyyah* (kekitaan atau solidariti) merupakan salah satu aspek besar dalam kejatuhan peradaban dan dinasti. Menurut beliau, fasa kemuncak peradaban menyaksikan sesebuah dinasti mengalami fasa kelapangan dan kesenangan serta kegemilangan kebudayaan dengan keilmuan dan kesenian serta kemegahan seni bina. Kemudian, fasa kemuncak disusuli oleh fasa kekakuan di mana berlakunya fasa keamanan tetapi manusia mula menjadi pengecut, lemah semangat jihad, sukakan keselesaan dan kekayaan, birokrasi yang tidak kompeten serta pemimpin yang tidak berpengalaman dan lemah peribadi (Işık, 2016). Seterusnya di fasa kejatuhan pula manusia mula berpecah, *asabiyyah* telah luntur, cara hidup tidak bermoral, golongan askar tidak setia manakala masyarakat sering bergaduh dan meniru budaya atau cara hidup asing terutamanya dalam cara berpakaian. Akhirnya, Ibn Khaldun menyatakan bahawa dinasti itu akan mati dan akan digantikan dengan sebuah kuasa luar yang lebih kuat *asabiyyah* mereka (Önder & Ulaşan, 2018).

Bernard Lewis (1962) menggelar para pemikir Uthmaniyyah yang mendokong idea Ibn Khaldun ini sebagai *Ottoman Observers of Decline*. Lewis melihat kejatuhan Uthmaniyyah sebagai kegagalan Uthmaniyyah dan kemajuan Eropah yang membawa kepada arus westernisasi dan modenisasi sedangkan para pemikir Uthmaniyyah berusaha untuk mencari solusi dari dalam (*islah*) Uthmaniyyah sendiri (Kirecci, 2007). Solusi mereka bukanlah dengan mengambil idea Barat dan melakukan reformasi seperti yang dilihat dalam kaca mata Eropah yang digambarkan oleh Lewis (2002).

5.0 Pandangan Pemikir Islam Tentang Kejatuhan Peradaban Islam

Perkataan '*Nahdah*' yang bermaksud kebangkitan juga diterjemahkan oleh George Antonius (1938) kepada *renaissance* atau *awakening* memberikan gambaran satu fenomena bermulanya fasa sejarah yang baharu buat dunia Arab setelah mengalami kejatuhan dan satu fasa stagnasi yang panjang (Sheehi, 2012). Permulaan kepada nasionalisma Arab bertitik tolak dari idea bahawa peradaban Islam Arab mengalami satu tempoh kemunduran yang pahit, yang dirujuk oleh Muhammad Anis sebagai *iflas* (bankrap) di bawah pemerintahan Uthmaniyyah dari tahun 1517 sehingga abad ke-18. Menurut beliau,

fasa *al-ittijahat al-jadida* (orientasi baru) bermula dengan reformasi Muhammad Ali Pasha dan Gerakan Wahhabiyyah (Piterberg, 1997).

Shakib Arslan pula menghuraikan dalam bukunya *Our Decline and Its Causes* bahawa kejatuhan peradaban Islam adalah disebabkan oleh kejahilan umat Islam itu sendiri (Arslan, 2004) Bagi beliau, kejahilan umat Islam sehingga tidak mampu membezakan antara arak dan cuka serta tidak mampu berhujah menentang argumentasi falasi dan pemikiran moden sehingga menerima bulat-bulat sebagai kebenaran merupakan salah satu punca kemunduran peradaban Islam. Tuntasnya, tema utama dalam melihat kejatuhan peradaban Islam menurut Shakib Arslan adalah keruntuhan akhlak dan moral. Beliau melihat bahawa kerosakan akhlak dan moral ini yang menyebabkan golongan elit dan pemerintah menjadi zalim dan tirani sehingga menganggap bahawa rakyat dicipta untuk berkhidmat kepada mereka (Heidari, 2016).

Menurut Soleyman Heidari (2016), salah satu faktor terbesar yang ditekankan oleh Shakib Arslan dalam melihat kejatuhan dan kemunduran peradaban Islam adalah kekecewaan dan kelemahan keyakinan umat Islam sehingga membuatkan umat Islam bersikap fatalism. Umat Islam mula melihat bahawa segala tindak tanduk mereka tidak membuahkan sebarang hasil malah mereka merasakan bahawa walau apa sahaja yang dilakukan oleh mereka akhirnya dunia Eropah pasti akan menang. Bahkan, umat Islam merasakan bahawa Eropah pasti akan menang sekiranya berlaku perang antara umat Islam dan Eropah. Bagi Arslan, mentaliti ini adalah faktor terbesar dalam kejatuhan peradaban Islam ketika itu (Heidari, 2016).

Abu Hasan Ali An-Nadwi juga mempunyai pandangan yang menarik tentang faktor kejatuhan peradaban Islam. An-Nadwi (1913-1999) merupakan seorang pemikir besar Islam dari India dan merupakan anak murid kepada Abu A'la Maududi. Beliau pernah menuntut ilmu di Darul Ulum Nadwatul Ulama' dan Darul Ulum Deoband serta terkenal dengan karyanya *Maza Khasiral Alam bi Inhitat al-Muslimin*. Menurut Ibrahim Abu Rabi (1995), An-Nadwi menggunakan kaedah yang mirip dengan kaedah orientalis dalam melihat kejatuhan peradaban Islam yang bermula sebelum era moden lagi. Idea An-Nadwi (2005) berkongsi sentimen dan idea yang serupa dengan Von Grunebaum (2021) dan Malek Bennabi (2003) yang melihat bahawa dunia Islam tidak akan dijajah sekiranya mereka tidak membiarkan diri mereka dijajah. An-Nadwi mengutarakan pendapatnya bahawa kejatuhan peradaban Islam bermula semenjak tamatnya era empat khalifah yang digelar Ar-Rashidun dengan berlakunya perpecahan antara Abbasiyyah dan Umayyah. Beliau melihat kejatuhan ini dari sudut kegagalan ulama yang sepatutnya menjadi paksi kepada intelektual Islam tetapi hancur akibat kerelaan ulama membiarkan diri mereka berada di tangan ahli politik seperti yang diungkapkan beliau (An-Nadwi, 2005, ms 108):

“the fifteenth century was definitely the last to reveal any real intellectual life among the followers of Islam. It was during this century that Ibn Khaldūn wrote his Prolegomena. In the sixteenth century, the indolence of mind, slavish pedantry and blind imitation became complete. One does not find even one in a hundred among the ulama of the last four centuries who may, with justice, be called a genius, or who may have produced anything to set beside the bold and noble intellectual activities of the earlier centuries”

6.0 Konsep Kejatuhan Peradaban Islam Menurut Modenis

Rifaat Tahtawi (1801-1873) merupakan seorang tokoh pemikir moden dengan latar belakang keluarga yang mempunyai sejarah panjang dalam pengajian agama (Hourani, 1983). Beliau telah dihantar ke Perancis setelah tamat pengajian di Al-Azhar, Mesir bagi mendalami ilmu di Perancis serta menjadi imam di Perancis. Penulisan-penulisan sejarah moden Mesir melihat Al-Tahtawi sebagai pemula

kepada zaman kebangkitan Mesir, modenis, dan intelektual liberal yang mendalami ilmu peradaban Barat (Kirecci, 2007). Pemikiran Al-Tahtawi terkesan dengan idea *enlightenment* dan idea itu dilihat bertapak di Mesir melalui beliau. Bagaimanapun, beliau juga terkesan dengan idea *umran* dan jatuh bangun peradaban Ibn Khaldūn dan berusaha mengadunkan idea *umran* ini dengan idea *enlightenment* (Hourani, 1983).

Kirecci (2007) berpandangan bahawa Al-Tahtawi dilihat sebagai penerus legasi Napoelon Bonaparte dalam memodenkan pemikiran masyarakat ketika itu. Dalam pemikiran Al-Tahtawi, idea kejatuhan peradaban itu ditunjukkan dalam kehendak beliau untuk mengubah masyarakat Mesir kerana beliau melihat sebahagian aspek Mesir yang ketinggalan berbanding dengan peradaban Barat. Bagi Al-Tahtawi, peradaban Barat terkehadapan kerana ilmu-ilmu baharu dan sistem yang dicipta oleh Barat maka kerana itu usaha-usaha beliau tertumpu ke arah membawa idea-idea ini ke dalam Mesir (Al-Omary, 2021) Walaupun begitu, Al-Tahtawi tidak melihat bahawa penyelesaian kejatuhan peradaban Islam ini adalah dengan mengikuti peradaban Barat secara total (Al-Omary, 2021).

Ziya Gokalp pula adalah salah seorang tokoh pemikir modenis yang mengkaji kejatuhan peradaban Islam khususnya Uthmaniyyah dan mempunyai pandangan yang berbeza. Beliau merupakan seorang tokoh yang berautoriti dalam membawa idea nasionalisma bangsa Turk. Ziya Gokalp juga merupakan salah seorang ahli *Committee of Union and Progress* (CUP) atau *Ittihad ve Terrakki* yang berusaha menghidupkan kembali perlembagaan Uthmaniyyah dan menjatuhkan Sultan Abdul Hamid II (Kirecci, 2007). Ziya Gokalp melihat bahawa kejatuhan peradaban Uthmaniyyah disebabkan oleh perubahan menjadi kosmopolitan atau peradaban Timur yang jauh dari menjadi '*Turkish*' dan tidak lagi menjadi '*European*'. Menurut Gokalp, kejatuhan peradaban Islam Uthmaniyyah ini adalah akibat mengambil peradaban Barat secara separuh-separuh dan tidak mengambilnya secara lengkap. Bagi beliau, peradaban Islam perlu mengikuti peradaban Barat secara bulat dan lengkap supaya dapat menjadi maju dan gemilang (Kirecci, 2007).

7.0 Kejatuhan Peradaban Islam dan Kemajuan Eropah

Idea orientalisme merupakan satu idea yang hangat diperdebatkan setelah muncul penulisan Edward Said berjudul *Orientalism* yang mengkritik representasi Islam dan dunia Timur Tengah oleh Barat (Said, 1978). Istilah orientalisme datang dari perkataan Latin, *orien* yang bermakna bahagian timur dunia. Idea orientalisme Edward Said ini mempunyai pengaruh idea Anthony Gramsci dalam idea *cultural hegemony* dan Micheal Foucault dalam teori *knowledge-power relation* (Pala, 2015).

Bagi Edward Said, hubungan antara *Occident* atau Barat dan *Orient* atau Timur adalah satu hubungan kuasa, dominasi dan hegemoni kompleks. Tamadun Eropah melihat bahawa segalanya yang bukan Eropah itu adalah *Orient* dan hanya yang datang dari Eropah itu adalah maju manakala segala yang datang dari *Orient* itu adalah mundur (Hallaq, 2018). Bagi Said, idea orientalisme ini adalah satu bentuk cara penguasaan Barat dan penstrukturan semula sehingga Barat mempunyai kuasa dan autoriti ke atas *Orient* (Hallaq, 2018).

Idea civilization berkait rapat dengan orientalism. Menurut Williams (1985), perkataan *civilization* membawa tiga makna dan konotasi iaitu: (1) sebuah pembangunan yang universal; (2) peribadi kolektid manusia atau satu tempoh masa yang berbeza dan tidak terbilang dari yang lainnya; dan (3) sebuah budaya satu kelompok tertentu. Ketiga-tiga makna ini melambangkan intipati idea Tamadun Eropah yang mempunyai satu aspirasi yang dianggap universal. Tamadun ini menganggap dirinya istimewa secara tersendiri dan melihat dirinya boleh diukur dalam bentuk material (Asad, 2003).

Abad ke-18 merupakan satu zaman di mana golongan '*barbaric*' atau '*savage*' dilihat tidak mempunyai sejarah lampau sendiri. Idea ini kelihatan kukuh kerana tiada bukti peninggalan sejarah, buku atau

inskripsi yang diwarisi dari sejarah mereka (Osterhammel, 2019). Golongan Asia dilihat sebagai golongan regresif dan mundur di mata Eropah pada abad ini kerana masalah persepsi orang Eropah sendiri dalam melihat sejarah tempatan golongan Asia ini. Hasil idea ini dapat dilihat dalam tiga tema idea yang melatari pemikiran Eropah iaitu wacana kejatuhan, wacana kemunduran dan wacana kekakuan atau *stagnation* (Osterhammel, 2018).

Oleh itu, era penjajahan dan *enlightenment* menyaksikan Eropah menganggap merekalah penyelamat kepada manusia dengan melihat dan menjadikan sejarah dan dunia dalam imej Eropah (Asad, 1993). Proses ini adalah salah satu projek modenisasi iaitu proses *history making* atau proses mengubah haluan pemahaman sejarah kepada tiga pembahagian masa iaitu *Antiquity*, *Middle Ages*, dan *Modernity* (Asad, 1993). Idea kemajuan dan modenisasi yang dibawa oleh Eropah ini dilihat sebagai satu kepercayaan yang diterima oleh seluruh dunia pada awal abad ke-19 (Nisbet 2017). Malah kepercayaan ini membawa kepada kefahaman dunia yang hanya menerima satu idea *Civilization* yang tunggal bukannya kepelbagaian *civilizations*. Kefahaman ini menguasai negara-negara yang dijajah dengan melihat Barat sebagai tujuan peradaban dan juga asal usul sejarah kehidupan manusia (Bowden, 2009).

Menurut Wael Hallaq (2018), salah satu cara kolonialisme peradaban Eropah ke atas dunia *Orient* adalah menggunakan subjek orientalisme ini sebagai satu cara menguasai *worldview* (pandangan alam) Timur. Orientalisme menjadi satu projek kuasa dan budaya yang berakar umbi dari pemikiran eurosentrik yang mendasar dari Eropah di mana mereka melihat Eropah mempunyai kedaulatan pemikiran yang tersendiri dan berbeza dari dunia lain sekaligus memberikan justifikasi untuk mereka memaksa semua pihak untuk hanya menerima kebenaran dari Eropah sahaja (Hallaq, 2018). Misalnya, Ernst Renan merupakan antara tokoh yang menggunakan kaedah saintifik bagi menyokong hujah bahawa *Orient* adalah golongan yang statik dan merupakan cabang yang mati dari pokok besar sejarah manusia (Fienni, 2020). Dalam pergerakan sejarah kemajuan manusia, Renan meletakkan Eropah sebagai kemuncak kepada kemajuan dan mereka yang harus dihapuskan. Menurut Renan, wacana tentang kemajuan ini juga akan membawa kepada wacana tentang kejatuhan dan kemunduran.

8.0 Pandangan Orientalis Tentang Kejatuhan Peradaban Islam

Penulisan-penulisan orientalis boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama melihat dan meletakkan kejatuhan peradaban Islam selepas zaman Sultan Suleiman Qanuni dan mengangkat idea *asr-saadet* (zaman keemasan) pada zaman pemerintahan baginda. Kumpulan kedua pula berpandangan bahawa kejatuhan peradaban Islam bermula dengan penaklukan Uthmaniyyah ke atas Mesir pada tahun 1517 seterusnya menganggap peradaban Islam jatuh ketika Arab kalah kepada Uthmaniyyah. Tuntasnya, dua tema utama yang menjadi titik perbincangan dan naratif orientalis adalah kejatuhan Islam dan westernisasi.

Terdapat dua pandangan dalam konsep kejatuhan dan kemunduran peradaban. Pandangan pertama melihat kejatuhan dan kemunduran peradaban sebagai satu '*temporal decadence*' atau suatu kejatuhan dan kemunduran yang boleh dirawat. Pandangan kedua pula melihat kejatuhan dan kemunduran peradaban sebagai kekal dan abadi atau '*timeless decadence*' iaitu konsep kejatuhan yang diwarisi Orient secara semulajadi menurut pandangan Barat. Kebanyakan pemikir Islam dan gerakan Nahdah bersetuju dengan idea *temporal decadence* manakala golongan orientalis Barat lebih cenderung kepada idea *timeless decadence* (Al-Omary, 2021).

Bernard Lewis, seorang sejarawan Uthmaniyyah merumuskan bahawa kejatuhan peradaban Islam bermula lebih awal iaitu pada abad ke-11. Beliau mengemukakan pandangannya bahawa kejatuhan peradaban Islam dapat dilihat pada abad ke-11 dengan berlakunya perpecahan politik dan kuasa. Beliau juga melihat bahawa keruntuhan ekonomi mula menonjol akibat pengurusan yang tidak cekap

dan perbelanjaan yang terlampau mewah. Kejatuhan Baghdad pada tahun 1258 merupakan penamat kepada satu era peradaban Islam namun baginya peristiwa 1258 tidak begitu besar impaknya kerana keadaan peradaban Islam ketika itu yang sudah sedia ada dalam fasa keruntuhan (Lewis, 2002). Menurut Lewis (2002), pada awalnya kehadiran Uthmaniyyah di tanah Arab membawa kebaikan dan kestabilan kepada dunia Arab namun ia mula jatuh pada abad ke-18 dengan berlakunya anarki, ketidakcekapan pengurusan dan kekakuan dalam pembangunan. Lewis (2002) berpendapat, dunia Arab mula muncul kembali atas peta sejarah dan bangkit semula dengan kehadiran Napoleon Bonaparte pada tahun 1798. Kehadiran Bonaparte walaupun tidak lama tetapi memberikan impak yang besar dalam proses reformasi dan kebangkitan Arab.

Sir Hamilton Alexander Roskeen Gibbs pula mengutarakan pandangannya dalam penulisan beliau *Modern Trend in Islam* di mana beliau melihat kejatuhan peradaban Islam pada awal abad ke-18 apabila dunia Islam keluar dari kegelapan berikutan kesan westernisasi dan modenisasi. Menurut beliau, Islam mula runtuh dari sebuah sistem teologi dan sosial yang organik dan sebuah sistem pengadilan dalam kehidupan sosial digantikan oleh sistem Barat (Gibbs, 1947). Gibbs (1947) melihat punca terbesar kejatuhan peradaban Islam adalah ketidakbolehan akal 'atomistic' umat Islam untuk mengejar cara pemikiran rasional Barat. Malah beliau berpendapat bahawa akal umat perlu bebas dari pemikiran *atomistic* untuk mencapai kemajuan kerana sistem epistemologi Islam yang sangat tertutup dan menolak pengaruh luar. Maka solusi yang dicadangkannya adalah pemikiran Arab dan Islam perlu bebas dari pemikiran wahyu Al-Quran. Dalam bukunya *Arabic Literature: An Introduction*, beliau membawa pandangan yang sama bahawa peradaban Barat sebagai pembawa kemodenan ke rantau Arab (Gibbs, 1926). Beliau berpandangan bahawa zaman Abasiyyah merupakan zaman kegemilangan sejarah Arab manakala zaman gelap bermula dengan kebangkitan Uthmaniyyah dan penguasaan Uthmaniyyah di Mesir.

Ibrahim Abu Lughod (1963) dalam bukunya *The Arab Rediscovery of Europe: A Study of Cultural Encounter* berkongsi pandangan yang sama Gibbs tetapi dengan sedikit perbezaan kerana beliau menyatakan bahawa peradaban Islam Arab mengalami fasa kejatuhan selama lima abad sebelum abad ke-19. Buku Abu Lughod ini mengandungi pemerhatian beliau dalam penerokaan dan pemusafiran Arab ke Eropah serta aktiviti penterjemahan yang berlaku secara mendadak. Abu Lughod melihat bahawa masyarakat Islam Arab mencapai tahap terendah mereka hasil keruntuhan dan kemunduran yang berlaku selama lima abad itu berbanding dengan zaman di mana bangsa Arab menjadi perintis dalam pelbagai bidang ilmu seperti penulisan, falsafah, sains, seni, teologi, geografi dan perundangan. Bagi Abu Lughod, penjajahan Perancis menandakan berakhirnya masyarakat tradisional dan kehadiran masyarakat moden dalam institusi politik dan sosial.

Gustave Von Grunebaum (2013) dalam bukunya *Islam: Essays in the Nature and Growth of a Cultural Tradition* juga melihat penjajahan Napoleon sebagai satu aspek positif yang akhirnya memaksa peradaban Islam untuk berubah dan melakukan reformasi. Beliau melihat bahawa peradaban Islam telah berada dalam satu fasa kekakuan dalam masa lampau dan tidak mampu berubah malah bagi beliau kesedaran nasionalisma Arab mula terbentuk dengan kedatangan Eropah.

Ibrahim Abu Rabi (1995) menyimpulkan bahawa golongan orientalis melihat penyelesaian kepada kejatuhan Arab itu pada kaedah dan alternatif baharu iaitu westernisasi sebagai satu tindak balas kepada keruntuhan intelektual dan kebudayaan dunia Arab serta peradaban Islam. Namun begitu, pandangan orientalis ini boleh dibezakan dengan pandangan tokoh pemikir Islam berkaitan punca dan penyelesaian kejatuhan peradaban Islam.

9.0 Kesimpulan

Terdapat beberapa pandangan dan naratif yang berbeza berkaitan konsep kejatuhan peradaban Islam seterusnya melahirkan solusi yang berbeza untuk menghadapi pelbagai punca kejatuhan peradaban Islam dalam sudut pandang tertentu. Bagi golongan islamis, kejatuhan peradaban dilihat dari aspek moral dan pemikiran yang telah dipengaruhi oleh pemikiran yang mengagungkan sains dan teknologi Barat sehingga mengambil epistemologi ilmu Barat bulat-bulat. Natiyahnya, pembaratan dalam cara hidup dan cara fikir ini mengakibatkan peradaban Islam mula jatuh. Oleh itu, *islah* dunia Islam perlu bermula dengan pemikiran umat Islam itu sendiri melalui pembaharuan kefahaman Islam yang telah dicemari oleh penjajahan Barat. Idea pembaharuan ini selari dengan idea *tajdid* di era Islam pra-penjajahan dan *enlightenment* di mana pembaharuan itu perlu berlaku dalam diri umat Islam dengan kefahaman Islam yang betul bagi membolehkan peradaban Islam bangkit semula.

Bagi golongan moden, kejatuhan peradaban Islam disebabkan oleh pemikiran Islam yang statik dan berada dalam keadaan kaku (*stagnant*) yang lama. Mereka juga melihat bahawa peradaban Islam (khususnya Arab) telah lama berada dalam satu kekuasaan despotik yang telah melahirkan masyarakat Islam yang lemah, tidak kreatif dan tidak maju. Bagi golongan moden dan sekularis Arab dan Turki, peradaban Islam perlu melihat ke arah perubahan yang dilakukan oleh Barat terutamanya Eropah dalam membina kekuatan dan kekuasaan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Peradaban Islam perlu mengambil sains dan teknologi Barat serta meniru segala aspek kehidupan Eropah termasuk menerima falsafah di sebalik peradaban Barat.

Menurut golongan orientalis pula, punca kejatuhan peradaban Islam adalah pemikiran Islam yang membawa kepada kefahaman yang statik tentang kemajuan dan pembangunan. Malah, pemikiran Islam dilihat tidak selari dengan idea sains moden dan akibatnya pemikiran saintifik Islam tidak berkembang dan kaku. Analisa orientalis terhadap kejatuhan dan kemunduran Islam terbahagi kepada beberapa pandangan. Satu pandangan melihat bahawa peradaban Islam mula jatuh dan mundur semenjak kejatuhan Baghdad pada tahun 1258 manakala pandangan lain melihat bahawa kejatuhan peradaban Islam bermula selepas zaman Sultan Sulayman Qanuni pada tahun 1566. Ada juga yang menyatakan bahawa kejatuhan peradaban Islam berlaku apabila Uthmaniyyah kalah dan Perjanjian Karlowitz termeterai pada tahun 1699. Menurut orientalis, peradaban Islam memerlukan satu reformasi atau *renaissance* seperti yang berlaku di Eropah kerana mereka melihat sejarah dunia dan kemajuan bermula dan berpusat di Eropah. Pandangan alam mereka yang bersifat eurosentrik ini diterjemahkan kepada idea mereka tentang *Orient* iaitu mereka yang berada di luar Eropah dianggap mundur dan mengalami kejatuhan hasil kebangkitan Eropah. Hasilnya, orientalis mencadangkan bahawa peradaban Islam perlu berubah dan menolak epistemologi yang bersifat mistik serta segala unsur bersifat ghaib atau *supernatural*.

Kesimpulannya, ketiga-tiga kumpulan pemikir ini mempunyai analisa berbeza tentang masalah yang berlaku kerana perbezaan epistemologi mereka menyebabkan ketiga-tiga kumpulan pemikir ini menghasilkan solusi dan melahirkan tindakan yang berbeza dalam politik mahupun sosial. Projek perubahan mereka sama ada dalam bentuk pergerakan *Islah* atau cadangan *Reform* menzahirkan titik perbezaan serta metode analisis mereka berkenaan idea kejatuhan peradaban Islam.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada para penyelidik di Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR) terutamanya Muhammad Firdaus bin Zalani, Amar Ismat bin Mohd Nasir, Mohd Suhail bin Mohd Suffian dan Aulia Rahman bin Zulkarnain untuk diskusi dan wacana yang membantu dalam memperkemas serta memantapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada Professor Dr Mohamed El-Tahir El-Mesawi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang memberikan ilham untuk mengkaji topik ini.

Rujukan

- Abu Lughod, I. (1963). *Arab Rediscovery of Europe: A Study in Cultural Encounters*. Princeton University Press
- Abu Rabi, I. M. (1995). *Intellectual origins of Islamic resurgence in the modern Arab world*. SUNY Press
- Al-Omary, A. (2021). *Representing the West in the Writings of Rifā'ah Rāfi' Al-Ṭaḥṭāwī, Muḥammad 'Abduh, and 'Abd Allah Al-Nadīm* (Doctoral dissertation, UCL (University College London)).
- An-Nadwi, A. H. A. (2005). *Islam and the World: The Rise and Decline of Muslims and Its Effect on Mankind*. UK Islamic Academy.
- Antonius, G. (2015). *The Arab awakening: The story of the Arab national movement*. Pickle Partners Publishing.
- Arslān, S. (2004). *Our Decline: its causes and remedies*. Islamic Book Trust.
- Asad, T. (1993). *Genealogies of religion: Discipline and reasons of power in Christianity and Islam*. JHU Press.
- Asad, T. (2003). *Formations of the secular: Christianity, Islam, modernity*. Stanford University Press.
- Bennabi, M. (2003). *The Question of Ideas in the Muslim World*, trans. El-Mesawi, ME. Kuala Lumpur, Islamic Book Trust.
- Bowden, B. (2009). *The empire of civilization: the Evolution of an Imperial Idea*. University of Chicago Press.
- Çalışır, M. F. (2011). *Decline of a 'Myth': Perspectives on the Ottoman 'Decline'*. The History School, 9, 37-60.
- Davutoğlu, A. (1997). *Medeniyetlerin ben-idraki*. Dîvân: Disiplinlerarası Çalışmalar Dergisi, (3), 1-53.
- Dawn, C. E. (1991). *The origins of Arab nationalism*. In Khalidi, R., Anderson, L., Muslih, M. Y., & Simon, R. S. (Eds.). *The origins of Arab nationalism*. Columbia University Press.
- Gibb, H. A. R. (1926). *Arabic literature: An introduction* (Vol. 37). Oxford University Press.
- Hallaq, W. B. (2018). *Restating orientalism: A critique of modern knowledge*. Columbia University Press.
- Heidari, S. (2016). *Investigate the Causes of the Decline of Islamic Civilization from the Perspective of Shakib Arslan*. History of Islam and Iran, 26(31), 47-67.
- Herman, A. (2010). *The idea of decline in Western history*. Simon and Schuster.
- Hourani, A. (1983). *Arabic thought in the liberal age 1798-1939*. Cambridge University Press.
- Işık, V. (2017). *Debates on civilization in the Muslim world critical perspectives on Islam and modernity*. In Sunar, L. (Ed.), *The vision of order and al-'Umran as an explanatory concept in the debates on civilization*. Oxford University Press.
- Karahanli, H. (2021). *Transcending The Imperial Concept of "Civilization": Recalling The Concept of al-'Umrān*. Mizanü'l-Hak: İslami İlimler Dergisi, (12), 377-402.
- Kirecci, M. A. (2007). *Decline discourse and self-Orientalization in the writings of Al-Tahtāwī, Tāhā Husayn and Ziya Gökalp: A comparative study of modernization in Egypt and Turkey*. PhD thesis, University of Pennsylvania.
- Lewis, B. (1962). *Ottoman observers of Ottoman decline*. Islamic Studies, 1(1), 71-87.
- Lewis, B. (2002). *Arabs in history*. OUP Oxford.

- Önder, M., & Ulaşan, F. (2018). *Ibn Khaldun's cyclical theory on the rise and fall of sovereign powers: The case of Ottoman Empire*. Adam Academy Journal of Social Sciences, 8(2), 231-266.
- Osterhammel, J. (2014). *The Transformation of the World: A Global History of the Nineteenth Century: A Global History of the Nineteenth Century*. Princeton University Press.
- Osterhammel, J. (2018). *Unfabling the East*. Princeton University Press
- Pala, M. (2015). *Foucault's Discourse and Gramsci's Hegemony as Instruments of Critical Engagement in the Age of Globalization*. *Between*, 5(10). <https://doi.org/10.13125/2039-6597/2028>
- Piterberg, G. (1997). *The tropes of stagnation and awakening in nationalist historical consciousness: The Egyptian case*. In Jankowski, J. P., & Gershoni, I. (Eds) *Rethinking Nationalism in the Arab Middle East*, Columbia University Press, 42-62.
- Rifaat, M. (1947). *The awakening of modern Egypt*. Longmans
- Şâfi, L. (1994). *The Challenge of modernity: The quest for authenticity in the Arab world*. University Press of Amer.
- Said, E. (1978). *Orientalism: Western concepts of the Orient*. New York: Pantheon
- Sariyannis, M. (2018). *A History of Ottoman political thought up to the early nineteenth century*. In *A History of Ottoman Political Thought up to the Early Nineteenth Century*. Brill
- Şentürk, R. (2020). *The decline of the decline paradigm: Revisiting the periodisation of Islamic history*. *Niedergangsthesen auf dem Prüfstand/Narratives of Decline Revisited*.
- Sheehi, S. (2012). *Towards a Critical Theory of al-Nahdah: Epistemology, Ideology and Capital*. *Journal of Arabic Literature*, 43(2-3), 269-298.
- Smith, W. C. (1957). *Islam in modern history*. Princeton University Press.
- Sunar, L. (2017). *Debates on Civilization in the Muslim World: Critical Perspectives on Islam and Modernity*. *American Journal of Islamic Social Sciences*-Volume 34-4: Fall 2017, 90
- Thomas, L. V. (1972). *A Study of Naima*, ed. Norman Itzkowitz. New York
- Von Grunebaum, G. E. (2013). *Islam: essays in the nature and growth of a cultural tradition*. Routledge.
- Von Grunebaum, G. E. (2021). *Modern Islam: The search for cultural identity*. University of California Press.
- Watt, W. M. (1973). *The formative period of Islamic thought*. Edinburgh Univ. Press.
- Williams, Raymond. (1985). *Keywords : a vocabulary of culture and society*. New York :Oxford University Press,
- Yahaya, M. H., & Darussalam, N. B. (2011). 'Umran al-'Alam dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma. *International Journal of West Asian Studies*, 3(1), 1-28.